

## TALFIQ: SEJAUH MANA PENGAMALANNYA DI MALAYSIA\*

Oleh:

Mustafa Shamsuddin

### (1) PENDAHULUAN

Salah satu ciri Syariah Islam yang membezakannya dengan ajaran – ajaran dan fahaman – fahaman agama yang lain ialah syumul. Syumul bermaksud pencakupan yang menyeluruh ke atas setiap aspek kehidupan manusia, dari sekecil – kecil urusan sehinggalah sebesar – besarnya. Setiap tindak – tanduk dan gerak – geri manusia adalah tertakluk kepada penilaian Syariah yang seterusnya diletakkan di bawah kuasa penghukumannya. Sifat bagi segala perbuatan yang dipergantungkan ke atasnya ini merupakan neraca penimbang untuk kebolehan disusuli dengannya tuntutan – tuntutan perundangan di dunia dan akhirat.

Apa yang melengkapi ciri kesyumulan Syariah ini ialah kebolehan mengembalikan segala permasalahan yang berlaku dan akan berlaku kepada nas – nasnya. Keterbatasan nusus Syarak dengan bilangan tertentu tidak menghalang maknanya dari membekalkan penyelesaian – penyelesaian untuk permasalahan – permasalahan yang tidak terbatas. Sejarah telah menyaksikan ketekunan dan kesungguhan usaha – usaha para ulamak dalam menghasilkan penyelesaian dari nusus untuk perkara – perkara baru yang timbul. Dengan kepelbagaian faktor dan suasana yang melingkungi, usaha – usaha ini digarap menjadi metod – metod yang berbeza di antara seorang ulamak dengan seorang yang lain, sehingga melahirkan pengembangan dan pengkajian yang berdisiplin dengan kemunculan mazhab – mazhab fiqh.

Dua perenggan di atas membawa kita ke subjek perbincangan dalam kertas kerja ini iaitu persoalan talfiq. Setelah menerima kesyumulan Syariah Islam dengan tertakluknya segala perbuatan manusia dengan penghukumannya, dan setelah menerima bahawa penghukuman itu adalah melalui metod – metod ulamak, maka kita juga mesti menerima rentetan dari itu bahawa pelaksanaan untuk penghukuman bagi setiap permasalahan adalah melalui cara penghasilan para ulamak. Kepelbagaian cara ini menyeret kita kepada empat keadaan; memilih salah satunya, mencampur – adukkannya, mengambil kesemuanya atau menolak kesemuanya. Keadaan keempat adalah mustahil kerana ia membatalkan usaha pelaksanaan itu dan keadaan ketiga juga tidak boleh diterima kerana ia menyebabkan pelaksanaan penghukuman yang bertentangan antara satu sama lain. Keadaan pertama adalah diterima dan inilah yang rata – ratanya diamalkan oleh kebanyakan orang Islam. Keadaan kedua pula, ia adalah subjek perbincangan kertas kerja ini.

Persoalan talfiq timbul ketika masyarakat Islam mengikat diri untuk berada di keadaan pertama, iaitu memilih salah satu cara dan menjadikannya penghukum mutlak bagi setiap perkara yang timbul. Pertentangan yang tercetus antara dua keadaan ini adalah pada kemutlakan cara penghukuman

---

\* *Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Pemahaman Empat Mazhab anjuran Jabatan Agama Islam Perak.*

yang diambil, kerana usaha mencampur – adukkan cara penghukuman menyebabkan kemasukan unsur luar ke dalam cara yang dipegang. Kebimbangan dilihat pada ketidakseragaman dasar dan hasil yang disebabkan oleh kepelbagaian cara yang dipakai.

Kertas kerja ini akan berusaha menilai tanggapan masyarakat Islam di Malaysia terhadap persoalan talfiq dan sejauh mana pengamalannya dalam kehidupan mereka seharian. Adalah menjadi satu persepsi awal bahawa masyarakat Islam di Malaysia berada di keadaan pertama iaitu memilih mazhab Syafie sebagai pegangan penghukuman bagi semua masalah fiqh. Penelusuran ke atas sejarah dan pengamalan semasa yang akan dibentangkan oleh kertas kerja ini bakal memberikan jawapannya.

### **Pengertian Talfiq Menurut Tradisi Keilmuan Islam**

Istilah talfiq adalah diambil dari bahasa Arab iaitu perkataan al-Talfiq (التلفيق). Jika kita merujuk kitab – kitab perbendaharaan bahasa Arab kita akan dapati penulis – penulisnya akan mengembalikan perkataan ini ke kata dasar (لَفَّقَ، يَلْفِقُ، تَلْفِيقًا) yang bermakna mencamtumkan, mengumpulkan dan menyatukan, iaitu لَفَّقَ الثَّوبَ وَهُوَ أَنْ يَضُمَّ شِقَّةٌ إِلَى أُخْرَى فَيُخِيطُهُ bermaksud mencantumkan sepotong kain dengan yang lain untuk dijahit.<sup>1</sup> Di samping itu, kata dasar ini juga membawa beberapa makna yang lain seperti kesesuaian, pendustaan yang diperhiasi, persepakatan dan pakaian.<sup>2</sup>

Dari segi istilah, perkataan talfiq ini diertikan dengan makna yang berbeza – beza mengikut penerapannya dalam bidang – bidang ilmu. Dengan kata dasarnya yang membawa makna yang luas, ia berkebolehan untuk menjadi istilah tersendiri dalam beberapa bidang ilmu yang berbeza. Namun, penekanan yang dibuat di sini ialah pada bidang ilmu Usul al-Fiqh, kerana melihat pemahaman talfiq dalam konteks penghukuman dan perundangan. Kertas kerja ini mengutip beberapa pemahaman yang diletakkan sebagai apa yang membawa maksud kepada istilah talfiq ini. Di bawah ini adalah beberapa makna al-Talfiq secara istilah di sisi bidang keilmuan Usul al-Fiqh:

- 1) Apa yang dimaksudkan dengan al-Talfiq Bayna al-Madhāhib ialah mengambil kira kesahihan perbuatan dari dua mazhab yang berbeza selepas berhukum dengan kebatilannya pada kedua – duanya ketika sebelum pengabungannya.<sup>3</sup>
- 2) Melakukan suatu cara yang tidak pernah dikatakan oleh mujtahid, dan mengambil dalam satu permasalahan yang memiliki rukun – rukun dan pecahan – pecahan tertentu dua pendapat atau

---

<sup>1</sup> Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukrim, *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār Ṣādir, cetakan 1, 1990, 1/330, al-Rāzī, Muhammad bin Abī Bakr, *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, Beirut: Maktabah Lubnān, 1995, m/s 612, al-Fayūmī, Aḥmad bin Muhammad, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 2/556.

<sup>2</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, al-Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, cetakan 1, 1987, 13/286, Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., cetakan 1, 2005, m/s 8 – 9.

<sup>3</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, 13/293 – 294.

lebih yang menyampaikan kepada satu hakikat cantuman yang tidak diiktiraf oleh mana – mana orang.<sup>4</sup>

- 3) Beramal dalam satu permasalahan dengan dua pendapat bersama – sama atau salah satu darinya, dengan adanya kesan pendapat yang kedua. Ia dinamakan dengan Ijtihād Murakkab.<sup>5</sup>
- 4) Iaitu dengan mencantumkan dalam satu permasalahan dua pendapat atau lebih sehingga terhasil darinya satu hakikat cantuman yang tidak dikatakan oleh mana – mana orang.<sup>6</sup>
- 5) Iaitu mencari pendapat ulamak yang paling mudah dalam permasalahan yang diikhilafkan, atau membentuk satu ibadah dari pendapat – pendapat beberapa orang ahli ilmu yang mana sesetengah mereka berpendapat dengan ketidaksahihan ibadah yang dilakukan dengan pendapat sesetengah yang lain.<sup>7</sup>
- 6) Iaitu perbuatan mencampurkan pelbagai pendapat mazhab dalam sesuatu masalah dan tidak terikat dengan pendapat satu mazhab.<sup>8</sup>

Apa yang dapat disimpulkan dari pembentangan beberapa pengertian talfiq ini ialah, ia merupakan *satu cara penghukuman dengan keluar dari keterbatasan cara yang satu kerana tuntutan faktor – faktor tertentu pada satu sudut dari satu permasalahan fiqh*. Setiap unsur dari pengertian talfiq ini memeperjelaskan pemahamannya. “Satu cara penghukuman” bermaksud mazhab atau metodologi penghasilan hukum dari dalil, kerana tujuan talfiq ialah untuk mendapatkan hukum syarie dalam satu masalah tertentu. “Keluar dari keterbatasan cara yang satu” bermaksud melonggarkan pegangan mazhab dengan menerima mazhab – mazhab yang lain, kerana talfiq itu terlaksana ketika berlakunya pencampuran dua pendapat dari metodologi penghukuman yang berbeza. “Tuntutan faktor – faktor tertentu” bermaksud sebab – sebab yang membawa kepada melonggarkan pegangan mazhab yang satu dan menerima pendapat mazhab yang lain, kerana talfiq tidak mungkin berlaku tanpa bersebab sekalipun sebab itu hanyalah kepentingan peribadi.<sup>9</sup> “Pada satu sudut dari satu permasalahan fiqh” bermaksud pecahan dan cabang dari satu masalah fiqh yang diperselisihkan, lalu keluar dari pendapat mazhab yang dipegang dalam penghukuman pecahan dan cabang ini kepada mazhab yang lain, kerana tidak dinamakan talfiq jika menerima pendapat mazhab yang lain secara keseluruhannya dalam satu permasalahan fiqh.

Dari konteks negara Malaysia yang mana agama Islam telah dijadikan agama rasminya,<sup>10</sup> penerapan konsep talfiq ini adalah merujuk kepada pencampuran mazhab – mazhab yang lain ke atas

---

<sup>4</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Dimshaq: Dār al-Fikr, cetakan 2, 2001, 2/1171, Nyazee, Imran Ahsan Khan, *Theories of Islamic Law, Methodology of Ijtihad*, Kuala Lumpur: The Other Press, 2002, m/s 125.

<sup>5</sup> Sāno, Quṭb Muṣṭafā, *Mu‘jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, cetakan 1, 2000, m/s 146.

<sup>6</sup> Al-Bānī, Muhammad Sa‘īd, *Umdah al-Taḥqīq Fī al-Taqlīd wa al-Talfīq*, Dimashq: al-Maktab al-Islāmī, 1981, m/s 91.

<sup>7</sup> Al-Saffāraynī, Abū al-‘Awn Muhammad bin Ahmad, *al-Taḥqīq Fī Buṭlān al-Talfīq*, al-Riyād: Dār al-Ṣumay‘ī, cetakan 1, 1998, m/s 135.

<sup>8</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 12.

<sup>9</sup> Ibid, m/s 16 – 36.

<sup>10</sup> *Federal Constitution As At 10th Sept 2002*, disusun oleh: Legal Research Board, Petaling Jaya, International Laws Book Service, 2002, m/s 13.

mazhab utamanya iaitu mazhab Syafie.<sup>11</sup> Ini bermakna, talfiq dalam konteks pengamalan masyarakat Islam di Malaysia ialah mengertikan mazhab Syafie ini dengan ‘cara yang satu’ dalam takrifan yang lalu. Apa yang dinamakan talfiq di Malaysia ialah ketika mana pegangan dengan mazhab Syafie ini dilonggarkan dengan mengambil pendapat – pendapat lain yang bukan dari mazhab ini dalam penghukuman masalah fiqh.

### Beberapa Istilah Lain Yang Berkaitan Dengan Talfiq

Ada beberapa istilah lain yang digunakan oleh para ahli ilmu yang berkait rapat dengan istilah talfiq ini. Perkaitan ini tergambar ketika mereka membincangkan pengertian dan pemahaman talfiq ini. Secara umumnya, istilah – istilah ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu istilah – istilah yang cenderung untuk disamakan dengan talfiq dan istilah – istilah yang cenderung untuk menjadi lawan kepada talfiq.

Berdasarkan pemerhatian penulis, bahagian pertama ini mengandungi empat istilah yang mana persamaannya dengan talfiq lebih banyak dari perbezaannya. Ia dikaitkan dengan talfiq dari sudut kelaianan dari pegangan dengan keterbatasan cara yang diguna pakai dalam penghukuman fiqh. Istilah – istilah itu adalah seperti berikut:

#### 1) Al-Ittibā‘:

Dari sudut bahasanya, perkataan al-Ittibā‘ (الاتباع) ini adalah dikeluarkan dari kata dasar (اتبع) (اتباعا) yang membawa maksud mengikut dan menurut.<sup>12</sup> Dari segi istilahnya, perkataan al-Ittibā‘ ini bermaksud beramal dengan pendapat orang yang mana kata – katanya adalah hujah sekalipun tidak mengetahui dalil pendapatnya dengan terperinci, atau mengambil pendapat orang yang mana kata – katanya adalah bukan hujah selepas mengetahui dalil pendapatnya itu.<sup>13</sup>

Sudut persamaan antara al-Talfiq dengan al-Ittibā‘ ialah pencampuran pendapat dari cara yang pelbagai dalam membuat penghukuman fiqh. Ini kerana, seseorang yang mengambil pendapat setelah mengetahui dalilnya akan mengikut tuntutan dalil itu, tanpa melihat kepada mazhab tertentu.<sup>14</sup> Contohnya, dia melakukan ibadah wudu’ pada dasarnya dengan berpandukan mazhab Syafie, tetapi dalam perbuatan menyapu kepala dia mengetahui dalil yang menunjukkan kepada kemestian menyapu seluruh kepala yang mana ia adalah pendapat di sisi mazhab Hanbali. Dalam

<sup>11</sup> Othman, Mahmud Saedon A., *Institusi Pentadbiran Undang – Undang & Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan 2, 1998, m/s 217.

<sup>12</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 8/27, al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, m/s 73, al-Fayūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 1/72.

<sup>13</sup> Sāno, Quṭb Muṣṭafā, *Mu‘jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, m/s 24, Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 35, al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Kitāb al-Radd ‘Alā Man Akhlada Ilā al-‘Arḍ Wa Jahila Anna al-Ijtihād Fī Kulli ‘Aṣr Fard*, taḥqīq: al-Shaykh Khalīl al-Mays, Beirut, Dār al-Kutub al-‘Arabīyah, 1982, m/s 120.

<sup>14</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 42.

perbuatannya ini ada makna talfiq kerana mazhab Syafie berpendapat dengan kemestian menyapu sebahagian kepala, dan dia telah mencampurkan pendapat mazhab Hanbali ke dalam mazhab Syafie.

## 2) Al-Tarjih:

Perkataan al-Tarjih (الترجيح) dari sudut bahasanya adalah dari kata dasar (رجح، يرجح، ترجيح) yang bermaksud condong dan melihat apa yang lebih berat.<sup>15</sup> Makna perkataan ini secara istilahnya ialah mendahulukan salah satu dari dua dalil yang bertentangan kerana kelebihan yang ada padanya, yang menjadikan beramal dengannya lebih utama dari beramal dengan yang lain, atau menzahirkan kekuatan pada salah satu dari dua dalil yang bertentangan yang mana sekiranya kekuatan ini dipisahkan darinya tidaklah ia menjadi hujah.<sup>16</sup>

Sudut persamaan antara al-Talfiq dengan al-Tarjih ialah penggabungan pendapat – pendapat dari cara – cara yang berbeza dalam permasalahan fiqh. Ini kerana, seseorang yang menerima dalil yang pada mulanya bertentangan dengan dalil yang lain akan menerima tuntutan dalil itu setelah melihat kelebihan yang dimiliki. Perbezaan hukum antara mazhab – mazhab adalah kadang – kadang disebabkan oleh perbezaan dalil, yang mana satu mazhab memiliki dalil yang berbeza dengan mazhab yang lain. Kelebihan yang dilihat pada salah satu dalil yang bertentangan ini akan membawa kepada menerima dalil dan seterusnya kandungannya tanpa melihat kepada mazhab yang dipegang.<sup>17</sup> Contohnya, mazhab Syafie berpendapat wudu' boleh terbatal dengan sentuhan tanpa alas antara lelaki dan perempuan yang ajnabi kerana mengikut dalil yang menunjukkan kepadanya. Seseorang yang bermazhab Syafie menemui kelebihan pada dalil di sisi mazhab Hanafi yang berpendapat wudu' ini tidak batal akan menuruti dalil yang kedua ini. Lalu dia telah menggabungkan antara dua mazhab dalam permasalahan kesahihan dan kebatalan wudu' dengan sebab ini.

## 3) Al-Ijithād al-Murakkab:

Istilah ketiga ini terdiri daripada dua perkataan iaitu al-Ijithād (الاجتهاد) dan al-Murakkab (المركب). Al-Ijithad mengikut sudut bahasanya adalah diambil dari kata dasar (اجتهد، يجتهد، اجتهادا) yang bermaksud memerah usaha dan tenaga dengan bersungguh – sungguh untuk mencapai maksud.<sup>18</sup> Manakala perkataan al-Murakkab dari segi bahasanya adalah dari kata dasar (ركب، يركب، تركيب) bermaksud meletakkan sesetengah ke atas sesetengah yang lain.<sup>19</sup> Kedua – dua perkataan ini jika digabungkan menjadi satu istilah khas yang bermaksud ijthad dua orang mujtahid atau lebih

<sup>15</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 2/445, al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, m/s 267, al-Fayūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 1/219.

<sup>16</sup> Sāno, Quṭb Muṣṭafā, *Mu‘jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, m/s 29, Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 43.

<sup>17</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 44.

<sup>18</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 3/133, al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, m/s 119, al-Fayūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 1/112.

<sup>19</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 1/428.

pada satu masa dalam satu masalah yang membawa kepada dua pendapat yang tertentu, kemudian datang selepas mereka seorang mujtahid atau lebih pada satu masa berijtihad dalam masalah yang sama yang menyebabkan kepada mengambil sebahagian dari kedua – dua pendapat yang tadi, sehingga menghasilkan satu pendapat yang berbeza dengan pendapat yang sebelumnya.<sup>20</sup>

Sudut persamaan antara al-Talfīq dengan al-Ijtihād al-Murakkab ialah pencatuman antara pendapat – pendapat yang berbeza sehingga mewujudkan satu susunan hukum yang tidak dikatakan oleh mazhab yang dipegang. Orang yang melakukan ijtihad jenis ini akan mengambil sebahagian pendapat mazhabnya dan sebahagian pendapat mazhab lain. Di sini berlakulah pengamalan talfiq, kerana dia telah memasukkan pendapat yang bukan dari mazhabnya ke dalam mazhabnya.

#### 4) Tatabbu' al-Rukhaṣ:

Istilah ini adalah tersusun dari dua perkataan iaitu Tatabbu' (تتبع) dan al-Rukhaṣ (الرخص). Perkataan Tatabbu' adalah berasal dari kata dasar (تتبع، يتتبع، تتبعا) yang bermaksud menuntut dengan mengikutinya.<sup>21</sup> Perkataan al-Rukhaṣ pula adalah kata jamak bagi perkataan al-Rukhṣah (الرخصة), ia berasal dari kata dasar (يرخص، رخصه) yang bermaksud memudahkan dalam urusan.<sup>22</sup> Penggabungan kedua – dua perkataan ini membawa maksud bagi istilah tertentu iaitu melihat ke setiap hukum – hakam yang terdapat dalam mazhab – mazhab yang berbeza untuk memilih apa yang paling mudah dan ringan tanpa bersandar dengan mana – mana metodologi keilmuan.<sup>23</sup>

Sudut persamaan antara al-Talfīq dengan Tatabbu' al-Rukhaṣ ialah kemasukan pendapat – pendapat luar ke dalam mazhab yang dipegang hasil pemilihan apa yang mudah dan ringan ini. Seseorang yang memilih apa yang mudah dan ringan dari setiap mazhab akan menggabungkan pendapat – pendapat yang bersumberkan dari mazhab – mazhab yang berbeza, lalu dia akan mecantumkan hukum bagi sesuatu masalah dalam mazhabnya dengan hukum yang bukan dari mazhabnya.<sup>24</sup> Contohnya, seseorang yang memilih apa yang mudah dan ringan dalam masalah perkahwinan, akan memilih pendapat mazhab Hanafi yang membolehkan wanita kahwin tanpa wali, akan memilih pendapat mazhab Syiah yang membolehkan kahwin mutaah dan akan memilih pendapat Ibn Hazm yang membolehkan melihat seluruh tubuh wanita yang ingin dijadikan isteri.

---

<sup>20</sup> Sāno, Qutb Muṣṭafā, *Mu'jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, m/s 33 – 34.

<sup>21</sup> Al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, m/s 83.

<sup>22</sup> Al-Fayūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 1/223.

<sup>23</sup> Sāno, Qutb Muṣṭafā, *Mu'jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, m/s 119.

<sup>24</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 45, Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfīq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Thesis Master, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, UIAM, 1998, m/s 34 – 39, Said, Thuraya Muhammad, *Tatabbu' al-Rukhaṣ Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Thesis Master, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, UIAM, 2005, m/s 29 – 31.

Bahagian kedua pula mengandungi empat istilah yang mana perbezaannya dengan talfiq lebih banyak dari persamaannya. Tiga istilah yang pertama dikaitkan dengan talfiq dari sudut ketiadaan keleraian dari pegangan dengan keterbatasan cara yang diguna pakai dalam penghukuman fiqh, dan satu istilah yang terakhir dikaitkan dengan talfiq dari sudut ketiadaan yang langsung dalam berpegang dengan cara ini. Istilah – istilah yang dimaksudkan ini adalah seperti berikut:

1) Al-Taqlīd:

Perkataan al-Taqlid (التقليد) jika dikembalikan kepada kata dasarnya (قلد، يقلد، تقليداً) membawa maksud mengikat dan membuat tanda di leher.<sup>25</sup> Secara istilahnya di kalangan ahli ilmu, al-Taqlīd bermakna mengambil mazhab dengan tidak mengetahui dalilnya, atau mengikut pendapat orang yang mana kata – katanya bukan hujah tanpa mengetahui langsung dalilnya.<sup>26</sup>

Sudut perbezaan antara al-Talfīq dengan al-Taqlīd ialah seseorang yang melakukan taqlid terhadap mazhabnya akan berusaha mengelakkan diri dari meninggalkan pendapat – pendapat mazhabnya dalam semua permasalahan dan perbuatan. Berbeza dengan talfiq yang mana dalam sesetengah permasalahan dia akan meninggalkan pendapat mazhabnya dan mengambil pendapat dari mazhab yang lain. Di dalam perbezaan ini ada perkaitan antara kedua – duanya iaitu taqlid adalah penyebab berlakunya talfiq, kerana persoalan mencampur – adukkan pendapat – pendapat tidak akan timbul sekiranya tiada pembatasan kepada mazhab – mazhab tertentu.<sup>27</sup>

2) Al-Tamadhhub:

Istilah kedua ini (التمذهب) adalah kata nama yang berakar umbi dari kata dasarnya (تمذهب، تمذهباً) iaitu bermazhab. Perkataan mazhab pula adalah kata nama yang diambil dari kata dasarnya (ذهب، يذهب، ذهاباً، مذهباً) yang bermakna pegangan yang diamalkan.<sup>28</sup> Secara istilahnya, mazhab bermaksud kumpulan ajaran fiqh yang menjadi sumber rujukan dan pegangan yang diiktiraf sebagai ganti kepada ikutan, ijihad dan analisa terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>29</sup> Jadi, maksud bermazhab ialah menisbahkan diri dengan mazhab – mazhab tertentu dengan mengikuti usul dan furu' mazhab itu.

Sudut perbezaan antara al-Talfīq dengan al-Tamadhhub ialah seakan sama dengan perbezaannya dengan al-Taqlīd tadi, cuma bertaqlid itu datang selepas bermazhab. Iaitu setelah seseorang itu menyandarkan dirinya dengan mazhab tertentu, dia akan berusaha mengamalkan

<sup>25</sup> Al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, m/s 560.

<sup>26</sup> Sāno, Quṭb Muṣṭafā, *Mu'jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, m/s 143, Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 39, al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2/1148.

<sup>27</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 39, Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfiq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, m/s 30 – 32.

<sup>28</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 1/393.

<sup>29</sup> Abdullah, Hafiz Firdaus, *Pedoman – Pedoman Bermazhab Dalam Islam*, Johor, Perniagaan Jahabersa, cetakan 1, 2004, m/s 9.

sepenuhnya kandungan mazhabnya ini, tanpa memasukkan unsur – unsur dari mazhab yang lain. Maka, talfiq di sini juga dianggap kesan daripada amalan bermazhab, kerana ikatan mazhab yang membataskan seseorang daripada mengambil pendapat yang bukan dari mazhabnya akan menyebabkannya dalam satu – satu masalah keluar dari ikatan ini. Perkaitan inilah yang menghubungkan antara istilah al-Talfiq dengan istilah al-Tamadhhub ini.<sup>30</sup>

### 3) Al-Takhayyur:

Istilah al-Takhayyur (التخيير) ini adalah diambil dari kata dasarnya (تخير، يتخير، تخيرا) yang membawa makna memilih apa yang baik.<sup>31</sup> Dari segi istilahnya, al-Takhayyur bermaksud kebebasan individu yang beragama Islam untuk memilih mana – mana pendapat mazhab dan tidak terikat dengan satu mazhab Fekah sahaja.<sup>32</sup> Penerapannya boleh diletakkan di bawah dua keadaan; pewartaan oleh pemerintah dan pengamalan peribadi individu.

Sudut perbezaan antara al-Talfiq dengan al-Takhayyur ialah seakan perbezaannya dengan dua istilah terdahulu iaitu al-Taqlid dan al-Tamadhhub, tetapi jurangnya agak kecil kerana al-Takhayyur datang sebelum al-Taqlid dan al-Tamadhhub. Seseorang itu pada mulanya akan memilih (al-Takhayyur) mazhab yang tertentu untuk dirinya, lalu ini membawa dia menyandandarkan diri kepada satu mazhab (al-Tamadhhub), yang menyebabkan kepada keterikatan diri dengan mazhab yang dipegang (al-Taqlid) itu. **Dalam perbezaan ini ada persamaannya bahawa jika seseorang yang telah berpegang dengan satu mazhab dan kemudian mengamalkan konsep al-Takhayyur al-Juz'i akan membawanya kepada pencampuran pendapat yang dipegang dengan pendapat yang dipilih dari mazhab lain.**<sup>33</sup>

### 4) Al-Ijtihad:

Makna perkataan ini secara bahasanya telah dibentangkan di halaman terdahulu, dan di sini pembahasan hanya tertumpu kepada maknanya dari sudut istilah. Perkataan al-Ijtihad (الاجتهاد) mengikut ahli ilmu bermaksud kebersungguhan seorang faqih memerah usaha tenaganya untuk menghasilkan hukum syarie secara zan,<sup>34</sup> atau ia adalah proses mengeluarkan hukum – hukum syarak daripada dalil – dalilnya yang terperinci yang terdapat dalam Shariah.<sup>35</sup>

Sudut perbezaan antara al-Talfiq dengan al-Ijtihad ini adalah amat jelas, kerana seseorang yang berijtihad dengan terus mendapatkan hukum syarak daripada dalil – dalil akan tidak

---

<sup>30</sup> Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfiq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, m/s 32 – 34.

<sup>31</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 4/264.

<sup>32</sup> Doi, Abdul Rahman I., *Undang – Undang Syariah*, dipetik dari: Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 47.

<sup>33</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 47.

<sup>34</sup> Sāno, Qutb Muṣṭafā, *Mu'jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, m/s 27.

<sup>35</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2/1067.

melakukan al-Takhayyur, al-Tamadhub dan al-Taqlid. Jika dia terlepas dari ketiga – tiga perkara ini maka dia juga akan terlepas dari melakukan al-Talfiq kerana perkaitan yang telah dibincangkan dahulu. Namun, ini hanya berlaku ke atas orang yang melakukan al-Ijtihād al-Kullī iaitu keupayaan pengeluaran hukum dengan usaha sendiri dalam semua permasalahan fiqh, tetapi sekiranya dia melakukan al-Ijtihād al-Juz'ī iaitu keupayaan pengeluaran hukum dalam sebahagian permasalahan, maka dia masih berkemungkinan untuk melakukan al-Talfiq.

### **Pandangan Ulamak Mengenai Kebolehan Bertalfiq**

Setelah memahami konsep Talfiq dan beberapa istilah lain yang berhubungkait dengannya, penulis ingin membentangkan di sini hukum melakukan dan mengamalkan talfiq mengikut pandangan para ulamak. Seperti kebiasaannya, setiap perkara yang diperselisihkan oleh ulamak akan menatijahkan perpecahan pandangan mereka kepada dua kelompok, yang mana salah satunya bersetuju dan yang keduanya tidak bersetuju. Kemudian, diselangi antara dua pendapat ini pendapat ketiga yang cuba mengharmonikan perselisihan dengan melakukan **talfiq** antara dua pendapat ini, iaitu mengambil sebahagian dari pendapat pertama dan sebahagian dari pendapat kedua.

Seperti kebiasaannya juga, setiap kelompok akan memperjuangkan pendapat masing – masing dengan menyusun dalil dan hujah serta kritikan terhadap dalil dan hujah dari kelompok yang bertentangan. Tanpa membincangkan perdebatan mereka ini secara terperinci, penulis akan menyebut di perenggan – perenggan berikut ringkasan berkenaan pandangan para ulamak mengenai kebolehan bertalfiq.

Golongan yang tidak menerima talfiq dan berpendapat dengan ketidakbolehan mengamalkan talfiq bersandarkan kepada beberapa dalil, antaranya:<sup>36</sup>

- 1- Talfiq mewujudkan hukum ketiga bagi dua hukum yang telah disepakati oleh ulama dalam membataskan perbezaan pendapat terhadap masalah. Ini bertentangan dengan apa yang telah diterima oleh ulamak tentang keharaman mewujudkan hukum baru ini.
- 2- Talfiq menyebabkan penciptaan satu pendapat baru yang tidak pernah dikatakan oleh mana – mana ulamak terdahulu. Ia seolah – olah mewujudkan satu mazhab baru hasil cantuman pendapat – pendapat yang dilakukan oleh seorang yang bukan mujtahid.
- 3- Talfiq melanggar tuntutan bermazhab dan bertaqlid, kerana ia menyebabkan seseorang itu mencampur adukkan mazhabnya dengan mazhab yang lain. Jika talfiq dibolehkan, maka tidak ada faedahnya seseorang itu bermazhab.

---

<sup>36</sup> Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfiq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, m/s 47 – 53, al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2/1172, Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 55 – 59, al-Bānī, Muhammad Sa'īd, *Umdah al-Taḥqīq Fī al-Taqlīd Wa al-Talfiq*, m/s 92 – 105.

- 4- Talfiq membawa kepada perbuatan meremeh – remehkan urusan agama, dan meletakkan hawa nafsu sebagai ukuran dalam melakukan ibadah. Jika talfiq dibolehkan seseorang itu akan memilih – milih dari setiap mazhab apa yang bersesuaian dengan keinginannya.

Golongan kedua yang menerima talfiq dan berpendapat dengan keharusan atau kebolehan mengamalkan talfiq bersandarkan kepada beberapa dalil, antaranya:<sup>37</sup>

- 1- Telah menjadi satu ketetapan dalam Islam bahawa kita wajib mengikut al-Qura'n dan al-Sunnah. Sekiranya kebenaran yang ditunjukkan oleh dua sumber ini berada di luar dari mazhab yang kita pegang maka kita wajib mengambilnya, sekalipun terpaksa mencampur adukkan pendapat – pendapat.
- 2- Telah menjadi satu ketetapan juga dalam Islam bahawa ia bersifat memudahkan. Pengharaman talfiq yang memaksa seseorang itu berpegang dengan mazhabnya sekalipun dia sudah mengetahui kebenaran yang lain adalah satu bebanan ke atasnya. Iaitu menafikan haknya untuk melakukan apa yang diketahuinya sebagai yang lebih benar dan tepat dengan Syariah.
- 3- Tiada dalil dari Syarak yang menunjukkan pengharaman melakukan talfiq ini, maka sebagaimana bertaqlid dan bermazhab itu dibolehkan, sewajarnya bertalfiq juga dibolehkan.
- 4- Membolehkan bertalfiq boleh menyebabkan seseorang itu berusaha mendalami agama dan mencari ilmu, kerana orang yang berusaha untuk menilai sejauh mana kebenaran pegangannya akan berusaha menuntut ilmu. Berbeza dengan pengharamannya, yang hanya menyebabkan pemikirannya beku dan jumud dengan apa yang diwarisinya dari orang yang sebelumnya.

Pengharmonian antara golongan yang mengatakan ketidakbolehan secara total dan golongan yang mengatakan keharusannya secara mutlak tergambar pada usaha meletakkan syarat – syarat untuk mengamalkan talfiq<sup>38</sup> dan membataskan keadaan – keadaan tertentu.<sup>39</sup> Dengan lebih terperinci, hukum talfiq ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian mengikut pembahagian hukum syarie iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.<sup>40</sup> Pembahagian ini dibuat berdasarkan cara, sebab dan natijah dari melakukan talfiq itu sendiri.<sup>41</sup>

Kesimpulannya, menghukum boleh atau tidak bertalfiq itu memerlukan penelitian yang mendalam dalam menseimbangkan antara merealisasikan ciri kemudahan dan keringanan Syariah dan mengelakkan fitnah ketidakseragaman amalan masyarakat sehingga menyebabkan perdebatan dan pertelingkahan. Sekalipun penulis cenderung untuk mengatakan bahawa talfiq itu diharuskan, namun

<sup>37</sup> Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfiq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, m/s 40 – 46, al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2/1173 - 1175, Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 64 – 87, al-Bānī, Muhammad Sa'īd, *Umdah al-Taḥqīq Fī al-Taqlīd Wa al-Talfiq*, m/s 105 – 110.

<sup>38</sup> Abdullah, Hafiz Firdaus, *Pedoman – Pedoman Bermazhab Dalam Islam*, m/s 142, al-Bānī, Muhammad Sa'īd, *Umdah al-Taḥqīq Fī al-Taqlīd Wa al-Talfiq*, m/s 110 – 114, Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfiq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, m/s 90 – 97.

<sup>39</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 59.

<sup>40</sup> Ibid, m/s 95 – 100.

<sup>41</sup> Sāno, Quṭb Muṣṭafā, *Mu'jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, m/s 146 – 147, al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2/1176 – 1179, <http://www.fiqhacademy.org.sa/qararat/8-1.htm>

pengharusan ia adalah satu idea yang pelaksanaannya ke atas masyarakat Islam memerlukan persediaan dan pengawasan. Apa yang dapat penulis perhatikan, kelompok yang menentang keharusan ini ialah dari kalangan orang yang berilmu agama dan bukannya masyarakat awam. Ini kerana masyarakat awam umumnya tidak mengetahui adakah amalan mereka itu sebenarnya dari mazhab yang mereka anuti atau pun tidak. Mereka hanya mewarisi apa diamalkan oleh orang sebelum mereka atau pun mereka menerimanya dari guru – guru agama melalui majlis – majlis pengajian.

Persediaan yang penulis maksudkan ialah usaha – usaha yang dilakukan sebelum pelaksanaan talfiq di dalam masyarakat seperti memberi kesedaran kepada mereka tentang realiti mazhab – mazhab, pengutamaan kepada pendapat yang bertepatan dengan nas dan masalah semasa, dan penglobalan fiqh mazhab. Pengawasan pula ialah usaha – usaha yang dilakukan setelah talfiq itu dilaksanakan seperti mewujudkan satu badan khas yang mengkaji pendapat – pendapat semua mazhab dan mencari pendapat yang paling sahih dan tepat.

Mereka yang menentang pengamalan talfiq ini sebenarnya akan merasakan kesempitan dan keterbatasan ketika mencari penyelesaian untuk masalah – masalah baru yang timbul. Suasana – suasana kehidupan yang berbeza juga memberi kesan kepada hukum yang diamalkan, kerana tidak semua hukum yang diterima dari mazhab itu terlepas dari faktor masa, tempat, adat dan keadaan yang mengelilingi ketika hukum itu dikeluarkan.

## **(2) TALFIQ DI MALAYSIA**

Bahagian pertama kertas kerja ini mempamerkan kefahaman tentang istilah talfiq, yang mana ia adalah satu konsep pengamalan yang menantikan penerapan. Di bahagian kedua ini, penulis ingin menjadikan negara Malaysia sebagai medan penerapan konsep ini, dengan menyelidiki sejauh mana Talfiq itu diterima dan diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Ini menuntut penulis meneliti lembaran – lembaran sejarah perkembangan Islam di negara ini demi melihat detik – detik kedatangan Talfiq ke Malaysia dan bagaimana reaksi masyarakat Islam terhadapnya.

### **Sejarah Perkembangan Islam di Malaysia dan Hubungkaitnya Dengan Talfiq**

Kedatangan Islam ke Malaysia telah mencorakkan tatacara hidup masyarakat melayu sejak awal penubuhan kerajaan Melayu lagi. Meskipun berlaku perbezaan pendapat di kalangan ahli sejarah tentang siapa sebenarnya yang membawa masuk Islam ke Tanah Melayu, namun apa yang penting ialah penyebarluasan Islam telah tidak didepani dengan tentangan serta halangan. Peranan yang dimainkan oleh pendakwah Islam ketika itu ternyata berkesan kerana dengan tidak mengambil masa yang panjang, Islam telah menjadi agama masyarakat melayu menggantikan anutan fahaman Hindu.

Kemunculan fenomena bermazhab yang bermula pada kurun keenam hijriah telah juga mencorakkan cara pengamalan agama Islam di kalangan masyarakat melayu pada mula

penerimaannya. Pendakwah yang telah membawa masuk Islam ke Tanah Melayu telah juga membawa cara ini bersama, sehingga Islam yang diterima sebagai agama baru oleh masyarakat melayu adalah dengan cara ini. Mazhab Syafie telah diterima sebagai mazhab rasmi kerajaan Islam di negara ini sejak beratus – ratus tahun yang lalu.<sup>42</sup> Ia telah mendominasi cara pengamalan dan pemahaman masyarakat melayu terhadap agama Islam, dengan menjadikan segala perundangan dan permasalahan bersumberkan apa yang terkandung di dalam mazhab ini.

Sistem – sistem kenegaraan di Tanah Melayu pada ketika itu seperti kehakiman, pentadiran, penghukuman, perundangan, pendidikan dan kemasyarakatan dibentuk berdasarkan apa yang termaktub di dalam mazhab Syafie. Pengamalan dengan mazhab ini sangat berakar umbi dalam kehidupan masyarakat melayu, terutamanya dalam bidang pendidikan dan perundangan, demi menjamin keberlangsungan cara kefahaman Islam ini yang telah diwarisi zaman berzaman. Pergolakan kuasa politik melayu akibat kehadiran beberapa kuasa penjajah tidak mengubah suasana bermazhab ini, sekalipun ia telah membataskan pelaksanaan agama Islam kepada aspek – aspek yang lebih kecil. Pihak penjajah yang datang dengan sistem perundangan mereka sendiri telah mengantikan undang – undang Islam yang sedia ada dengan undang – undang mereka. Pertentangan dari masyarakat Islam melayu yang berdasarkan kesedaran tentang pencabulan ini menunjukkan kepada kesungguhan mereka membela agama Islam yang dianuti dari diperlekehkan oleh penjajah.<sup>43</sup>

Penulis berpendapat bahawa sejarah perkembangan Islam di Malaysia telah berhadapan dengan beberapa faktor yang mendedahkan kepada masyarakat melayu dengan talfiq ini. Bagi menyokong pendapat ini, penulis senaraikan beberapa faktor atau pun petunjuk kepada kebolehan berlakunya talfiq di sepanjang sejarah Islam di Malaysia:

- 1- Kedudukan Tanah Melayu (Melaka terutamanya) sebagai laluan dagangan antarabangsa menjadikannya destinasi persinggahan penting bagi pedagang – pedagang yang datang dari segenap negara. Ini menyebabkan masyarakat Islam di sini terdedah dengan mazhab – mazhab selain mazhab Syafie. Perkara ini sekali pun tidak menjadikan mereka meninggalkan mazhab pegangan mereka, tetapi ia membuatkan mereka mengetahui dengan kewujudan cara – cara lain dalam pengamalan agama Islam.
- 2- Rentetatan daripada perkara pertama, pendedahan ini lebih meluas apabila masyarakat luar mula menetap dan bermustautin di Tanah Melayu. Masyarakat muslim yang datang dari Cina, Arab dan India ke negara ini lalu tinggal di sini untuk beberapa tahun mengamalkan mazhab – mazhab mereka yang berbeza dengan mazhab Syafie yang dipegang oleh masyarakat melayu.
- 3- Ketoleransian antara mazhab dititikberatkan dalam menjamin keutuhan perhubungan diplomasi antara kerajaan melayu dengan kerajaan – kerajaan Islam yang lain. Telah dicatatkan bahawa kerajaan melayu Melaka mempunyai hubungan politik yang baik dengan

---

<sup>42</sup> Othman, Mahmud Saedon A., *Institusi Pentadbiran Undang – Undang & Kehakiman Islam*, m/s 217.

<sup>43</sup> Abdullah, Abdul Rahman Haji, *Gerakan Anti Penjajahan Di Malaysia 1511-1950, Pengaruh Agama Dan Tarikat* (Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, 1994) m/s 82.

kerajaan Islam Uthmaniyyah, sekalipun mazhab yang menjadi pegangan utama kerajaan ini ialah mazhab Hanafi.

- 4- Selepas kemerdekaan Malaysia, perlembagaan persekutuan telah digubal sebagai dasar penubuhan sebuah negara baru yang merdeka lagi berdaulat. Di dalam perlembagaan ini, apa yang tercatat ialah agama Islam secara umumnya telah diiktiraf sebagai agama rasmi persekutuan, tanpa merujuk kepada mana – mana mazhab.<sup>44</sup> Berdasarkan perkara ini, masyarakat Islam di Malaysia tidak terbatas kepada golongan yang berpegang dengan mazhab Syafie sahaja.

Corak perkembangan Islam di Malaysia memungkinkan berlakunya talfiq di dalam masyarakat dengan adanya pertembungan bangsa yang berbilang mazhab. Pendedahan awal yang mereka terima ini memberikan satu impak dalam mengambil pendirian samaada berterusan dalam berpegang dengan mazhab Syafie atau berteloransi dengan mazhab – mazhab lain. Pada ketika – ketika yang memerlukan masyarakat Islam melayu bercampur dengan masyarakat Islam lain di negara ini, pendedahan ini menjadi lebih ketara bahawa mereka perlu menghormati pegangan mazhab orang lain dan menerimanya sebagai sebahagian dari agama Islam.

### **Kedatangan Talfiq di Malaysia: Penerimaan dan Penolakan**

Sebagaimana yang telah dibentangkan lalu, bahawa kita semestinya menerima hakikat berlakunya perhubungan secara langsung dan tidak langsung antara masyarakat melayu yang berpegang dengan mazhab Syafie dengan masyarakat bukan melayu yang berpegang dengan selain mazhab ini. Ini merupakan titik pemula bagi kemunculan talfiq di dalam masyarakat melayu, yang mana unsur – unsur dari mazhab lain mula meresap masuk ke dalam pengamalan mazhab mereka.

Kemasukan talfiq ke dalam pengamalan fiqh di kalangan masyarakat melayu berlaku dengan dua cara; dibawa dan sedia ada. Cara yang pertama kebiasaannya terjadi melalui kewujudan orang perseorangan atau kumpulan tertentu yang menyebarkan kesedaran tentang perlunya bertalfiq dan mengambil pendapat – pendapat yang bukan dari mazhab Syafie. Manakala, cara yang kedua pula terjadi melalui pencampuran yang sehati antara masyarakat melayu dengan masyarakat bukan melayu dalam hal – hal pengamalan fiqh harian, sehingga berlakunya pencampuran dalam pengamalan mazhab itu sendiri.

Penulis mengambil gerakan Kaum Muda sebagai contoh yang jelas untuk cara yang pertama ini. Kemunculan Kaum Muda yang merupakan ancaman kepada Kaum Tua menjadi perintis kepada gerakan penjernihan fiqh Islam yang sebenar. Kaum Tua dilihat sebagai satu golongan yang amat

---

<sup>44</sup> *Federal Constitution As At 10th Sept 2002*, m/s 13.

mementingkan cara tradisi dalam menyebarkan Islam dan berpegang kuat dengan mazhab Syafie.<sup>45</sup> Kaum Tua melihat pembawaan Kaum Muda ini sebagai satu yang membahayakan masyarakat melayu pada ketika itu. Apa yang dibawa oleh Kaum Muda sebenarnya adalah bagaimana untuk mengatasi permasalahan – permasalahan seperti Bidaah, Khurafat, Taqlid dan Jumud.<sup>46</sup> Secara umumnya, ada beberapa prinsip dalam gerakan Kaum Muda yang menyuarakan keperluan bertalfiq dalam masyarakat melayu:<sup>47</sup>

- 1- Kembali kepada sumber – sumber Islam yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah, serta amalan golongan al-Salaf.
- 2- Penekanan ke atas isu – isu bidaah dan khurafat yang diamalkan oleh masyarakat melayu.
- 3- Menghidupkan semula keperluan berjihad dan mengkritik amalan bertalqlid buta dengan apa yang diwarisi.
- 4- Pengecaman ke atas sistem pendidikan pondok yang hanya melahirkan jumud, taqlid dan kemunduran dalam masyarakat melayu.

Kepentingan merujuk semula dua sumber utama Islam, serta mengamalkan Ijtihad dan meninggalkan Taqlid membawa pada salah satu sudutnya kepada bertalfiq. Hubungkait antara tiga istilah ini telah penulis sentuh di halaman terdahulu, yang mana Taqlid adalah penyebab kepada Talfiq, dan Ijtihad adalah pelepas dari Talfiq.

Usaha membawa talfiq yang dilakukan oleh Kaum Muda dan golongan – golongan yang seangkatan dengannya telah berdepan dengan tentangan dan halangan. Penulis tidak dapat menjawab persoalan adakah usaha mereka ini berjaya atau tidak, tetapi mereka telah berusaha memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat Islam di Malaysia bahawa ada impak disebalik keleraian pegangan mazhab Syafie kepada mazhab – mazhab lain. Impak ini dilihat sebagai satu yang negatif oleh golongan yang menolak talfiq kerana ia mewujudkan ketidaksamaan amalan fiqh, dan ia dilihat sebagai satu yang positif oleh golongan yang menerima talfiq kerana ia memberikan penyelesaian dan mendekati kepada ketepatan Syarak.

Dari satu sudut yang lain, kedatangan talfiq ke dalam kehidupan masyarakat Islam melayu Malaysia berlaku dalam dua keadaan; disedari dan tidak disedari. Ini merujuk kepada pelaksanaan yang dijalankan oleh pihak pemerintah melalui jabatan – jabatan tertentu yang menyalurkan penghukuman fiqh kepada masyarakat. Keadaan yang disedari ini bermaksud pihak pemerintahewartakan satu hukum fiqh dengan pemberitahuan bahawa hukum ini adalah hasil gabungan antara pendapat mazhab Syafie dengan mazhab – mazhab lain, atau pun ia adalah dari pendapat mazhab lain secara keseluruhannya. Keadaan yang tidak disedari pula bermaksud pewartaan satu hukum fiqh yang

---

<sup>45</sup> Amilah binti Awang, *The Modern Revivalist Movements in Malaysia: a study on Kaum Tua And Kaum Muda*, Thesis Master, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, UIAM, 1998, m/s 2.

<sup>46</sup> Ibrahim, Ahmad, “Undang–Undang Islam di Malaysia” dalam Zuraini Majid, *Masyarakat Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1985, m/s 325.

<sup>47</sup> Amilah binti Awang, *The Modern Revivalist Movements in Malaysia*, m/s 22 – 27.

dihasilkan melalui cara talfiq tanpa pemberitahuan umum. Cara inilah yang biasanya dilakukan oleh pihak pemerintah demi mengelakkan kesalahfahaman dan ketidakjelasan.

Penulis ingin membentangkan beberapa perkara yang telah dipersetujui oleh Majlis Fatwa Kebangsaan berkaitan talfiq ini:<sup>48</sup>

- 1- Secara prinsipnya, Majlis ini mengakui keempat – empat mazhab dalam fiqh, kerana golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah itu adalah mereka yang berpegang dengan hukum – hukum Syarak dengan cara mazhab yang empat ini.
- 2- Majlis ini melarang mana – mana pertubuhan agama dari mewartakan kebebasannya dari mana – mana mazhab, dan ideologi ini perlu diperbetulkan untuk mengelakkan pertelingkahan antara manusia.
- 3- Majlis Fatwa Kebangsaan bersetuju mengambil mazhab Syafie sebagai asas dalam memilih fatwa – fatwa dan hukum – hakam negara, dan mazhab ini haruslah didahulukan dari mazhab – mazhab lain.
- 4- Majlis telah bersetuju bahawa pelaksanaan undang – undang Islam mestilah mengikut mazhab Syafie, tetapi sekiranya hukum di dalam mazhab ini tidak menepati masalah umum semasa maka dibolehkan mengambil mana – mana mazhab dari mazhab yang tiga itu.

Dari apa yang disebut ini, jelaslah bahawa pengamalan talfiq adalah diterima dengan rasmi secara pilihan kedua, iaitu selepas berusaha berpegang dengan mazhab Syafie. Dengan kata lainnya, berpaling kepada talfiq hanya dibolehkan dengan bersyarat dan bersebab, dan pada masa yang sama mengutamakan mazhab Syafie seboleh mungkin.

Apa yang lebih menarik daripada itu, konsep Talfiq ini pernah disebut di dalam sidang parlimen Malaysia, ketika mana Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh membentangkan laporan berkenaan industri modal dan kewangan berasaskan Islam. Beliau memasukkan al-Talfiq ini di dalam senarai instrumen modal berlandaskan Syariah yang telah banyak ditubuhkan.<sup>49</sup> Ternyata, pelaksanaan talfiq telah begitu meluas di dalam sektor perbankan, permodalan dan kewangan Islam di Malaysia sehingga ia dilihat sebagai satu alat yang wajar dikedepankan dalam sektor ini.

Di sini penulis ingin menyenaraikan beberapa penghukuman fiqh yang telah dilaksanakan di dalam masyarakat Islam Malaysia sebagai contoh kepada pengamalan talfiq:

- 1- **Pembinaan masjid dengan menggunakan harta yang dikumpul dari zakat fitrah.** Mengikut mazhab Syafie, harta yang diperolehi hasil kutipan zakat fitrah tidak boleh disalurkan kepada selain asnaf yang lapan itu. Membina masjid tidak termasuk di dalam lapan

---

<sup>48</sup> Mohd Firdaus Nurulhuda, *Āthār al-Zurūf al-Ijtīmā'īyah 'Ala al-Fatāwā al-Shar'īyah: Mālīziyā Namūdhajan*, Pusat Penyelidikan, UIAM, cetakan 1, 2003, m/s 135 – 140.

<sup>49</sup> <http://www.parlimen.gov.my/hindex/pdf/DR-03-11-1998.pdf>

golongan ini mengikut mazhab Syafie, tetapi mengikut mazhab Hanafi ia termasuk di dalam golongan fi sabillah. Masyarakat Islam Malaysia telah menerima pengamalan ini dengan tidak menyedari bahawa ia adalah salah satu bentuk talfiq.<sup>50</sup>

- 2- **Mewajibkan pembeli mematuhi janjinya untuk membeli barang dari bank (al-Murābahah Li al-ʿĀmir Bi al-Shirāʾ).** Mengikut mazhab Syafie, perbuatan ini tidak sah kerana janji tidak menyerupai aqad. Maka, tiada kementerian dan kewajipan dalam urusniaga seperti ini. Tetapi, mengikut pendapat dari mazhab yang lain, urusniaga ini melazimkan kementerian. Pelaksanaannya di dalam perbankan Islam dan institusi kewangan di Malaysia menunjukkan penerimaan talfiq dalam aspek muamalah.<sup>51</sup>
- 3- **Aurat pelajar wanita Islam di hadapan Ajnabiyah di asrama perempuan.** Mengikut mazhab Syafie, seorang muslimah tidak boleh membuka aurat di hadapan wanita ajnabiyah kafirah, kerana auratnya dihadapan wanita ini adalah sama dengan auratnya dihadapan lelaki muslim. Tetapi, Majlis Fatwa Negeri Sembilan telah menfatwakan keharusan membuka aurat ini sekiranya ada kepentingan (darurah) yang menuntut kepada membuka sebahagian badannya. Ini dengan mengambil pendapat mazhab Hanbali yang membolehkan seorang muslimah membuka aurat dihadapan wanita kafirah.<sup>52</sup>
- 4- **Membayar zakat fitrah dengan menggunakan wang.** Mengikut mazhab Syafie, tidak boleh membayar zakat fitrah dengan menggunakan wang, kerana yang dituntut adalah dengan menggunakan makanan asasi seperti beras, gandum dan tamar. Tetapi, apa yang diamalkan di Malaysia dengan meluasnya di setiap negeri ialah kebolehan membayar zakat fitrah dengan wang. Ini adalah dengan mengambil pendapat mazhab Hanafi yang membolehkan membayar zakat fitrah dengan nilai makanan asasi itu.<sup>53</sup>
- 5- **Menjual harta waqaf.** Mengikut mazhab Syafie, harta – harta yang telah diwaqafkan tidak boleh dijualbeli kerana ia sudah menjadi milik orang Islam secara umumnya. Namun apa yang berlaku di Malaysia adalah sebaliknya, iaitu masyarakat Islam memilih untuk tidak mengikut mazhab Syafie dalam perkara ini, tetapi memilih pendapat dari mazhab Hanbali yang membolehkan jualbeli harta waqaf. Ini memandangkan keperluan kepada tempat seperti meluaskan masjid dan sekolah. Pengamalan ini telah banyak dilakukan di Malaysia terutamanya di negeri Kelantan<sup>54</sup>
- 6- **Berkahwin dengan perempuan Kristian di Sabah dan Serawak.** Mengikut mazhab Syafie, tidak boleh mengambil kira orang Kristian pada zaman sekarang ini sebagai ahli Kitab, maka tidak boleh seorang muslim mengahwini perempuan yang menganut agama Kristian. Tetapi, memandangkan kepada keadaan yang mendesak Majlis Fatwa Kebangsaan telah berpegang dengan pendapat selain mazhab Syafie yang mengambil kira perempuan Kristian ini adalah

---

<sup>50</sup> Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfiq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, m/s 104.

<sup>51</sup> Ibid, m/s 106.

<sup>52</sup> Ibid, m/s 108.

<sup>53</sup> Ibid, m/s 110.

<sup>54</sup> Ibid, m/s 112.

dari ahli Kitab. Dengan fatwa ini, Majlis telah mengharuskan lelaki muslim di Sabah dan Serawak berkahwin dengan perempuan – perempuan yang beragama Kristian.<sup>55</sup>

- 7- **Mendirikan solat Jumaat dengan bilangan makmun kurang daripada 40 orang.** Mengikut mazhab Syafie, solat Jumaat tidak boleh didirikan sekiranya bilangan jemaahnya kurang daripada 40 orang. Tetapi, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa tentang kebolehan mendirikan solat Jumaat dengan hanya empat orang bagi penuntut – penuntut Malaysia yang berada di luar negara.<sup>56</sup>
- 8- **Hukum wudu' selepas bersentuh antara lelaki dan perempuan semasa bertawaf.** Mengikut mazhab Syafie, bersentuhan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dengan tidak berlapik adalah membatalkan wudu'. Tetapi, semasa bertawaf, ketika manusia bercampur lelaki dan perempuan, kemungkinan untuk batal wudu' dengan sebab ini adalah besar. Namun, telah difatwakan kebolehan mengikut mazhab Hanbali dalam perkara ini yang berpendapat wudu' ini tidak batal, demi tidak memberatkan jemaah haji dan umrah.
- 9- **Hukum Bay' al-Mu'ātah.** Mengikut mazhab Syafie, urusniaga dengan cara ini adalah tidak sah kerana ketiadaan rukun terpenting dalam muamalah iaitu ijab dan qabul. Tetapi, apa yang diamalkan rata – ratanya di Malaysia, orang Islam tidak berpegang dengan pendapat ini sebaliknya berpegang dengan pendapat jumah yang mengharuskan muamalah seperti ini. Ini memudahkan urusan jualbeli mereka terutamanya ketika muamalah yang berlaku antara manusia dan mesin.<sup>57</sup>
- 10- **Jual beli najis haiwan sebagai baja tanaman.** Mengikut mazhab Syafie, sesuatu yang najis tidak boleh diperniagakan, dan tidak sah jualbelinya. Mengikut mazhab Hanafi, najis haiwan yang digunakan untuk tujuan yang berfaedah boleh dijualbeli. Di Malaysia, jualbeli najis haiwan sebagai baja tanaman adalah satu yang diterima dan diamalkan sekalipun ia menyalahi mazhab Syafie sendiri.<sup>58</sup>
- 11- **Penjualan nama peniagaan dan hakcipta.** Mengikut mazhab Syafie, muamalah seperti ini tidak sah dan batal, kerana ia termasuk di dalam jualbeli benda yang tidak wujud. Namun, mengikut mazhab Hanafi hak milik yang bukan zat boleh diperniagakan. Pendapat inilah yang diterima di Malaysia demi menjaga kemaslahatan umum dan meraikan bentuk peniagaan moden.<sup>59</sup>
- 12- **Kontrak sewa beli (al-Ijārah al-Muntahiyah bi al-Tamlīk).** Mengikut mazhab Syafie, kontrak seperti ini adalah tidak sah dan batal di sisi Syarak kerana ia mengandungi dua kontrak dalam satu masa iaitu sewa dan beli. Ini menepati maksud gharar yang ditegah oleh Syarak. Walaubagaimanapun, kebanyakan syarikat kewangan Islam termasuk di Malaysia

---

<sup>55</sup> Mohd Firdaus Nurulhuda, *Āthār al-Zurūf al-Ijtīmā'īyah 'Ala al-Fatāwā al-Shar'īyah: Mālīzīyā Namūdhajan*, m/s 139.

<sup>56</sup> Ibid, m/s 139.

<sup>57</sup> Malik, Maszlee, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, m/s 128 – 129.

<sup>58</sup> Ibid, m/s 129.

<sup>59</sup> Ibid, m/s 130.

tidak mengambil pendapat ini, tetapi mengambil pendapat mazhab Maliki dan Hanbali yang membolehkannya.<sup>60</sup>

- 13- **Menggunakan wang faedah untuk kebajikan.** Majlis Fatwa di beberapa buah negeri di Malaysia seperti Pulau Pinang, Perlis dan Kedah telah mengeluarkan fatwa keharusan menggunakan wang faedah untuk perkara – perkara kebajikan umum. Ini bertentangan dengan pendapat jumhur termasuk mazhab Syafie yang melarang mengambil dan menggunakan wang riba. Majlis Fatwa Kebangsaan juga bersetuju dengan keharusan ini kerana melihat mudarat yang akan berlaku jika duit itu dibiarkan di dalam bank.<sup>61</sup>
- 14- **Kontrak hutang (Bay' al-Dayn).** Mengikut mazhab Syafie dan jumhur, hutang tidak boleh dijualbeli kerana ia satu yang tidak dimiliki sepenuhnya, dan ia adalah satu kontrak yang lain. Namun begitu, kebanyakan syarikat kewangan Islam di Malaysia telah menggunakan kontrak ini terutamanya ketika melibatkan projek – projek besar yang menelan berbilion – bilion ringgit. Dalam mazhab Hanbali, ada pendapat yang membenarkan kontrak seperti ini, lalu mereka mengambil pendapat ini dan meninggalkan pendapat jumhur.<sup>62</sup>
- 15- **Bayaran deposit (Bay' al-'Urbūn).** Di Malaysia, pemberian deposit di awal jualbeli adalah satu perkara yang diterima, yang mana sekiranya pembeli gagal untuk membeli barang maka deposit ini akan menjadi hakmilik penjual. Ini bertentangan dengan pendapat jumhur dan mazhab Syafie yang melarang pemberian deposit ini. Mereka yang mengamalkannya adalah kerana menerima pendapat mazhab Hanbali yang membolehkannya.<sup>63</sup>

Lima belas contoh yang disebutkan di atas adalah sebahagian kecil daripada bukti – bukti bahawa amalan bertalfiq antara mazhab itu diterima dan digunapakai oleh masyarakat Islam di Malaysia. Lebih banyak lagi contoh seperti ini akan kita temui kerana keadaan darurat yang memaksa seseorang itu meninggalkan pegangan mazhabnya akan sentiasa berlaku, serta permasalahan baru yang sering timbul menuntut jawapan yang tidak menyalahi kemaslahatan umum tetapi menyalahi pegangan mazhab.

Dengan apa yang kita lihat ini, tidak sewajarnya kita menganggap perkembangan fiqh ini membantutkan usaha mendalami dan memelihara mazhab Syafie sebagai mazhab rasmi negara. Kepositifan pendirian yang diambil oleh pihak pembuat dan pengeluar fatwa ini terserlah pada pemastian bahawa setiap permasalahan fiqh yang timbul mempunyai jawapan yang menepati Syarak dan meraikan kemaslahatan. Membatasi diri dengan apa yang terkandung di dalam mazhab Syafie dalam permasalahan – permasalahan ini hanya akan menimbulkan kecaman dan tohmahan terhadap ketaksuban dan kejumudan berfatwa. Bahkan, apa yang lebih teruk dari itu kecaman dan tohmahan ini juga ditujukan kepada para ulamak mazhab Syafie terdahulu yang mengasaskan dan meluaskan mazhab ini.

---

<sup>60</sup> Ibid, m/s 131.

<sup>61</sup> Ibid, m/s 132 – 133.

<sup>62</sup> Ibid, m/s 133.

<sup>63</sup> Ibid, m/s 133 – 134.

## **Talfiq Sebagai Jalan Penyelesaian Bagi Masalah – Masalah Fiqh Semasa di Malaysia**

Sebagai satu pengakhiran bagi kertas kerja ini, penulis merasakan ada baiknya mengambil satu segi yang jarang dilihat oleh pengkaji – pengkaji isu talfiq ini. Iaitu, menjadikan talfiq ini sebagai satu alat atau medium berijtihad yang membantu para pengeluar fatwa menyelesaikan masalah – masalah fiqh semasa di Malaysia. Dengan kata lainnya, keterbukaan berfikir dan keluasan meneliti terhadap khazanah fiqh yang ada dengan memastikan kesahihan dan ketepatan nas yang menyokong menjadi metodologi utama dalam mengeluarkan setiap hukum bagi permasalahan fiqh yang timbul.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi pernah mengutarakan jenis ijtihad ini dengan menamakannya sebagai al-Ijtihād al-Intiqā'ī yang bermaksud ijtihad dalam memilih pendapat yang tepat dengan Nas, Maqasid al-Shariah dan masalah umum.<sup>64</sup> Konsep ijtihad yang dibawa oleh Dr. Yusuf al-Qaradhawi ini tidak berbeza dengan konsep talfiq yang ingin kita ketengahkan ini, kerana seseorang mufti tidak boleh melakukan talfiq dalam penghukumannya kecuali dengan sebab yang menuntut. Apakah ada sebab lain yang perlu diiraikan oleh mufti ini daripada ketepatan nas dan kehampiran kepada Maqasid?

Di akhir – akhir ini, ada beberapa isu fiqh yang timbul di Malaysia yang telah pun diatasi oleh pihak tertentu dalam memberikan jalan penyelesaiannya. Penulis ingin menilai dan mengulas isu – isu ini merangkumi sebab yang membawa masalah dan cara penyelesaiannya dengan menggunakan metodologi talfiq ini.

---

<sup>64</sup> Al-Qarāḍawī, Yūsuf, *al-Ijtihād Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Ma'a Naẓarāt Taḥlīliyyah Fī al-Ijtihād al-Mu'āṣir*, Kuwait: Dār al-Qalam, cetakan 2, 1989, m/s 115 – 118.

## PENUTUP

Sebagai penutup bagi kertas kerja ini, penulis senaraikan semula isi – isi penting yang terkandung di halaman – halaman terdahulu:

- 1- Talfiq boleh didefinasikan dengan satu cara penghukuman dengan keluar dari keterbatasan cara yang satu kerana tuntutan faktor – faktor tertentu pada satu sudut dari satu permasalahan fiqh.
- 2- Empat terminologi lain yang bersangkutan dengan talfiq secara persamaannya ialah: al-Ittibā', al-Tarjih, al-Ijtihād al-Murakkab dan Tatabbu' al-Rukhaṣ.
- 3- Empat terminologi lain yang berhubungkait dengan talfiq secara perbezaannya ialah: al-Taqlīd, al-Tamadhub, al-Takhayyur dan al-Ijtihād.
- 4- Ulamak telah berpecah kepada dua kumpulan berkenaan hukum bertalfiq, yang mana satu kumpulan mengharamkannya kerana pertentangan dengan Syarak yang diwujudkan serta kesan buruk yang mengikutinya, dan satu kumpulan yang lain mengharuskannya kerana keserasian Syarak yang dibawanya serta kesan baik yang mengikutinya.
- 5- Sejarah perkembangan Islam yang telah dilalui oleh masyarakat Malaysia turut menyumbang dalam penerimaan terhadap talfiq, di mana penekanan dalam meraikan kemaslahatan umum menjadi faktor utamanya.
- 6- Kemasukan talfiq ke dalam pengamalan fiqh di kalangan masyarakat Islam Malaysia berlaku dengan dua cara iaitu dibawa dan sedia ada.
- 7- Dari satu sudut yang lain, kedatangan talfiq ke dalam kehidupan masyarakat Islam Malaysia berlaku dalam dua keadaan iaitu disedari dan tidak disedari.
- 8- Kepositifan pendirian yang diambil oleh pembuat talfiq di Malaysia terserlah pada pemastian bahwa setiap permasalahan fiqh yang timbul mempunyai jawapan yang menepati Syarak dan meraikan kemaslahatan.
- 9- Keterbukaan berfikir dan keluasan menilai yang terkandung di dalam talfiq terhadap khazanah fiqh Islam dengan memastikan kesahihan dan ketepatan Nas yang menyokong menjadi metodologi utama dalam mengeluarkan hukum.

## RUJUKAN:

1. Abdullah, Abdul Rahman Haji, *Gerakan Anti Penjajahan Di Malaysia 1511-1950, Pengaruh Agama Dan Tarikat*, Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, 1994.
2. Al-Bānī, Muhammad Sa'īd, *'Umdah al-Taḥqīq Fī al-Taqlīd wa al-Talfīq*, Dimashq: al-Maktab al-Islāmī, 1981.
3. Al-Fayūmī, Ahmad bin Muhammad, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
4. Al-Qarāḍawī, Yūsuf, *al-Ijtihād Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Ma'a Naẓarāt Taḥlīliyyah Fī al-Ijtihād al-Mu'āṣir*, Kuwait: Dār al-Qalam, cetakan 2, 1989.
5. Al-Rāzī, Muhammad bin Abī Bakr, *Mukhtār al-Ṣiḥāh*, Beirut: Maktabah Lubnān, 1995.
6. Al-Saffāraynī, Abū al-'Awn Muhammad bin Ahmad, *al-Taḥqīq Fī Buṭlān al-Talfīq*, al-Riyād: Dār al-Ṣumay'ī, cetakan 1, 1998.
7. Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Kitāb al-Radd 'Alā Man Akhlada Ilā al-'Arḍ Wa Jahila Anna al-Ijtihād Fī Kulli 'Aṣr Farḍ*, tahqiq: al-Shaykh Khalīl al-Mays, Beirut, Dār al-Kutub al-'Arabiyyah, 1982.
8. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Dimshaq: Dār al-Fikr, cetakan 2, 2001.
9. *Federal Constitution As At 10th Sept 2002*, disusun oleh: Legal Research Board, Petaling Jaya, International Laws Book Service, 2002.
10. Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukrim, *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār Ṣādir, cetakan 1, 1990.
11. Ibrahim, Ahmad, "Undang-Undang Islam di Malaysia" dalam Zuraini Majid, *Masyarakat Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1985.
12. Malik, Maszlee, *Talfīq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., cetakan 1, 2005.
13. Mohd Firdaus Nurulhuda, *Āthār al-Zurūf al-Ijtīmā'īyyah 'Ala al-Fatāwā al-Shar'īyyah: Mālīziyā Namūdhajan*, Pusat Penyelidikan, UIAM, cetakan 1, 2003.
14. Nyazee, Imran Ahsan Khan, *Theories of Islamic Law, Methodolgy of Ijtihad*, Kuala Lumpur: The Other Press, 2002.
15. Othman, Mahmud Saedon A., *Institusi Pentadbiran Undang – Undang & Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan 2, 1998.
16. Sāno, Quṭb Muṣṭafā, *Mu'jām Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, cetakan 1, 2000.
17. Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, al-Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, cetakan 1, 1987.

### Thesis dan Disertasi:

1. Amilah binti Awang, *The Modern Revivalist Movements in Malaysia: a study on Kaum Tua And Kaum Muda*, Thesis Master, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, UIAM, 1998.
2. Mustafa, Mohd Fadhil, *al-Talfīq Bayna al-Madhāhib Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Thesis Master, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, UIAM, 1998.
3. Said, Thuraya Muhammad, *Tatabbu' al-Rukhaṣ Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Thesis Master, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, UIAM, 2005.

### Laman Web:

1. <http://www.fiqhacademy.org.sa/qararat/8-1.htm>
2. <http://www.parlimen.gov.my/hindex/pdf/DR-03-11-1998.pdf>